

BENZAC[®] AC 2.5% GEL

Benzoyl Peroxide (2.5% w/w)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Benzac AC 2.5% Gel
2. Bagaimana Benzac AC 2.5% Gel berfungsi
3. Sebelum menggunakan Benzac AC 2.5% Gel
4. Cara menggunakan Benzac AC 2.5% Gel
5. Semasa menggunakannya Benzac AC 2.5% Gel
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara menyimpan dan pelupusan Benzac AC 2.5% Gel
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan pemegang pendaftaran produk
10. Tarikh semakan RiMUP

Apakah kegunaan Benzac AC 2.5% Gel

Benzac AC 2.5% Gel digunakan untuk merawat jerawat biasa.

Bagaimana Benzac AC 2.5% Gel berfungsi

Benzac AC 2.5% Gel mengandungi bahan aktif benzoyl peroxide, iaitu rawatan topikal yang berkesan untuk jerawat. Ia berfungsi sebagai agen antibakteria yang menyasarkan bakteria *Propionibacterium acnes* yang menyumbang kepada pembentukan jerawat, serta menyebabkan pengeringan dan pengelupasan ringan pada kulit, yang membantu mengurangkan bintik hitam dan cela jerawat yang lain.

Sebelum menggunakan Benzac AC 2.5% Gel

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan guna ubat ini jika:

- anda mempunyai alahan terhadap benzoyl peroxide atau mana-mana bahan lain yang terkandung dalam ubat ini (disenaraikan dalam Maklumat lanjut).

- Sebelum menggunakannya

Gel ini tidak boleh digunakan pada kanak-kanak.

Mengandung dan menyusukan anak

Sila berunding dengan doktor atau ahli farmasi jika anda mengandung, merancang untuk mengandung atau sedang menyusukan anak sebelum menggunakan sebarang ubat.

Benzac AC 2.5% Gel hanya boleh digunakan jika doktor anda menyatakan ia benar-benar perlu.

Tidak diketahui sama ada gel ini masuk ke dalam susu ibu atau tidak, maka ibu yang menyusukan bayi perlu berhati-hati ketika menggunakan gel ini. Selain itu, ibu tidak boleh menyapu gel pada bahagian dada untuk mengelakkan pemindahan gel secara tidak sengaja kepada bayi yang sedang menyusu.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor anda jika anda sedang mengambil sebarang ubat, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi daripada farmasi, pasar raya atau kedai produk kesihatan.

Anda tidak boleh menggunakan gel ini pada masa yang sama dengan produk kulit lain yang boleh menyebabkan pengelupasan, iritasi, atau kekeringan kulit.

Cara menggunakan Benzac AC 2.5% Gel

- Berapa banyak harus digunakan

Pastikan kulit anda bersih dan kering sebelum menyapu gel.

Sapukan lapisan nipis gel untuk menutup kawasan yang terjejas.

Adalah disyorkan untuk memulakan rawatan dengan kepekatan yang lebih rendah, seperti gel 2.5% atau 5%.

- Bila perlu digunakan

Sapukan sekali atau dua kali sehari.

Jika anda mempunyai kulit sensitif, anda hanya perlu menyapu gel sekali sehari, sebaik-baiknya sebelum tidur.

- Berapa lama perlu digunakan

Gunakan Benzac AC 2.5% Gel selama yang disyorkan oleh doktor anda.

Jika anda menggunakan gel 2.5% dan tidak mendapat hasil yang diinginkan, anda boleh berbincang dengan doktor mengenai penggunaan gel dengan peratusan yang lebih tinggi.

Dalam beberapa minggu pertama, peningkatan pengelupasan kulit secara tiba-tiba adalah perkara biasa. Keadaan ini tidak berbahaya dan biasanya akan hilang dalam satu atau dua hari jika anda berhenti seketika daripada menggunakan rawatan ini.

- Jika terlupa menggunakan

Sapukan dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan kemudian teruskan menyapu ubat mengikut jadual seperti biasa. Jangan sapukan dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika menguna berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika dos berlebihan telah digunakan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Penggunaan gel secara berlebihan tidak akan mempercepatkan atau memperbaiki hasil rawatan dan mungkin menyebabkan iritasi kulit yang teruk. Jika ini berlaku, anda perlu berhenti menggunakan gel tersebut. Setelah simptom reda, anda boleh mencuba semula penggunaan gel dengan dos yang lebih rendah secara berhati-hati, sekiranya reaksi tersebut disebabkan oleh penggunaan berlebihan dan bukannya alahan.

Semasa menggunakan Benzac AC 2.5% Gel

- Perkara yang perlu dilakukan

BENZAC[®] AC 2.5% GEL

Benzoyl Peroxide (2.5% w/w)

Maklumkan kepada semua doctor dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan product Benzac AC 2.5% Gel.

Segera beritahu doktor anda sekiranya anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh lakukan

Elakkan daripada terkena pada mata, mulut, hidung atau membran mukus. Jika gel terkena pada kawasan ini secara tidak sengaja, bilas segera dengan air.

Jangan sapukan gel pada kulit yang luka kerana ini boleh menyebabkan iritasi atau kepekaan.

Jangan mula menggunakan sebarang ubat baharu tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berikan Benzac AC 2.5% Gel kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Apabila anda mula menggunakan gel ini, anda mungkin akan merasa sensasi terbakar ringan, dan kulit anda boleh menjadi merah serta mula mengelupas dalam beberapa hari.

Jika anda mengalami kerengsaan yang teruk, bengkak kulit atau lepuh, hentikan penggunaan dan berjumpa doktor dengan segera.

Benzoyl peroxide boleh memutihkan atau menukar warna bahan berwarna, termasuk rambut dan fabrik.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Benzac AC 2.5% Gel boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mengalaminya.

Kesan sampingan yang mungkin berlaku adalah:

Sangat biasa

- Kulit kering
- *Erythema* (Kulit kemerahan)

- Pengelupasan kulit
- Rasa sensasi seperti kulit terbakar

Biasa

- *Pruritus* (kegatalan) kulit
- Sakit kulit (sakit, pedih)
- Iritasi kulit (*Contact Dermatitis*)

Luar biasa

- Alahan *Contact Dermatitis* (ruam gatal yang disebabkan oleh tindak balas alahan terhadap bahan yang bersentuhan dengan kulit)

Tidak diketahui

- Bengkak pada muka
- Reaksi alahan, termasuk hipersensitiviti di kawasan sapuan
- Reaksi alahan yang teruk seperti anafilaksis

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan *Adverse* Ubat Kebangsaan melalui laman web npa.gov.my [*Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

Cara penyimpanan dan pelupusan Benzac AC 2.5% Gel

- Penyimpanan

Simpan di bawah 25°C.

Jauhkan daripada kanak-kanak.

Jangan sapu ubat ini selepas tarikh luput.

- Pelupusan

Jangan buang sebarang ubat melalui bungan air atau sisa rumah. Tanya pegawai farmasi anda bagaimana cara untuk melupuskan ubat yang anda tidak lagi gunakan. Langkah ini membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Benzac AC 2.5% Gel ialah gel putih, licin dan sehati, tidak bergumpal, dibungkus dalam tiub putih dengan penutup skru berwarna putih.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
Benzoyl Peroxide 2.5% w/w

- Bahan tidak aktif
Carbomer 940, disodium edetate, docusate sodium, silica colloidal anhydrous, propylene glycol, poloxamer 182, sodium hydroxide, glycerol, acrylates copolymer, purified water.

- Nombor MAL

MAL19984075XRZ

Pengilang

Laboratoires Galderma, ZI-Montdesir 74540 Alby-sur-Cheran, France.

Pemegang pendaftaran produk

Galderma Malaysia Sdn Bhd
Unit 904, Level 9, Uptown One, Jalan SS21/58, Damansara Utama, 47400, Petaling Jaya, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

02/10/2025

Nombor siri

NPRA(R4/1)130825/00065